

25/05/1998

Wakil Murut dijamin anggotai Kabinet baru

KOTA KINABALU, Ahad - Tan Sri Bernard Dompok yang akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri Sabah, Khamis ini, memberi jaminan mempertimbang permintaan supaya pemimpin mewakili masyarakat Murut dilantik menganggotai Kabinet negeri yang baru.

Menurutnya, permintaan itu yang dibuat Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) akan diberi perhatian sewajarnya.

"Sebarang permintaan daripada mana-mana pihak akan diberi pertimbangan serius. Tetapi keputusan muktamad mengenainya hanya dibuat selepas 28 Mei ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas sambutan Pesta Kaamatan (menuai) peringkat daerah Penampang, di sini.

Beliau akan menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincang soal penyusunan semula Kabinet negeri yang baru.

Bagaimanapun, tarikh pertemuan dengan Perdana Menteri belum ditetapkan.

Semalam, Presiden PBRS, Datuk Joseph Kurup, menyarankan pemimpin daripada kalangan kaum Murut diberi peluang menduduki Kabinet negeri jika ada rombakan dilakukan.

Dompok yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar negeri akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri daripada Datuk Yong Teck Lee pada 28 Mei ini. Beliau mewakili kuota Bumiputera bukan Islam.

(END)